

D.R. 35/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

berna in a

Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Eksais (Pindaan) 1993. Tajuk ringkas.

2. Akta Eksais 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1)— Pindaan seksyen 2. Akta 176,

(a) dengan memasukkan selepas takrif "botol" takrif yang berikut:

' "dokumen" mempunyai erti yang Akta 56. diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;';

(b) dengan memasukkan selepas takrif "Ketua Pengarah" takrif yang berikut:

' "komputer" mempunyai erti yang Akta 56 diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;'; dan

(c) dengan memasukkan selepas takrif "pengilangan" takrif yang berikut:

' "pertukaran data elektronik" ertinya pemindahan, dari komputer ke komputer, transaksi perdagangan dan pentadbiran dengan menggunakan standard perutusan yang dipersetujui untuk menstrukturkan data yang berhubungan dengan sesuatu transaksi;'

Pindaan
seksyen 48.

3. Proviso kepada seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "sesuatu borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan sedemikian" perkataan "seperti yang disebut terdahulu, atau membenarkan penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Eksais 1976 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 2(1) Akta untuk memasukkan takrif bagi perkataan-perkataan yang digunakan dalam Akta.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda proviso kepada seksyen 48 Akta untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan penggunaan borang-borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1757.]